

Business Ethics Workshop 2019: Kerjasama kali ke-3 UMS dan Repsol

UB 26.9.2019 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kerjaya dan Alumni (PKA) bersama TalentCorp Malaysia mengadakan Taklimat Next Profiling oleh TalentCorp Malaysia pada 24 September 2019 bertempat di Dewan Resital UMS.

Di antara pengisian program adalah slot ceramah, kuiz dan hadiah baucar buku ditaja oleh Repsol, ceramah SPRM mengenai bahaya rasuah dan hukuman, ceramah PDRM mengenai jenayah komersil serta slot penerangan mengenai tajaan biasiswa Repsol.

Permasalahan atau konflik di tempat kerja juga sering melibatkan isu etika. Pekerja yang berpegang pada nilai etika akan cenderung untuk menjadi



GAMBAR BERSAMA: Sesi bergambar bersama tetamu jemputan dan para peserta program Business Ethics Workshop 2019.

pekerja yang baik, berprestasi cemerlang dan

mampu memberi impak positif kepada jabatan atau

organisasi.

Oleh yang demikian, pe-

rasminya berharap agar para pelajar memberikan tumpuan

sepenuhnya sepanjang bengkel itu berlangsung dan dapat

memanfaatkan ilmu yang diperolehi sebaiknya di masa hadapan.

Seramai 350 pelajar UMS hadir dalam program berkenaan.

Turut hadir ialah Penolong Naib Canselor Prof Dr Marcus Jopony sebagai perasmis program, Pengurus Kanan Legal, Repsol Oil & Gas Malaysia Limited Dayangku Marianah Pg Mahmuiddin, Penasihat Community & Government Relations, Repsol Oil & Gas Malaysia Limited Datuk Eddie Abdullah, Penolong Pegawai Siasatan Negeri Sabah Sukarni Karim, Ketua Unit Ronda Bermotosikal Bahagian Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti ASP V Nares Kumar A/L Verapon dan Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni UMSP Prof Madya Dr Lai Yew Meng.